

**GARISPANDUAN PENGAMBILAN PEKERJA BUKAN WARGANEGARA
PROFESYEN KESIHATAN BERSEKUTU (ALLIED HEALTH
PROFESSIONALS) DI PUSAT PERUBATAN SWASTA DI MALAYSIA**

Bil. 5/97

1. PENDAHULUAN

Ketika ini terdapat beberapa Profesyen Kesihatan Bersekutu (Allied Health Professionals) di dalam erkhidmatan perubatan dimana bilangannya amat terhad samada disektor kerajaan atau disektor swasta. Untuk menampung bekurangan kakitangan-kakitangan ini pihak Kementerian Kesihatan membenarkan pekerja bukan warganegara berkhidmat di atas pas penggajian untuk satu jangkamasa tertentu.

1.1. Profesyen Kesihatan Bersekutu (Allied Health Professionals) adalah seperti berikut :-

- a) Pegawai Optometri (Optometrist)
- b) Pegawai Mikrobiologi (Mikrobiologist)
- c) Pegawai Kimia Hayat (Biochemist)
- d) Pegawai Fizik (Physicists)
- e) Pegawai Kebajikan Perubatan (Medical Social Worker)
- f) Pegawai Kaunselor (Counsellor)
- g) Penyelia Jenis Makanan (Dietitian)
- h) Penolong Pegawai Penyediaan Makanan (Catering Officer)
- i) Penyelia Asrama (Hostel Supervisor)
- j) Jurupulih Perubatan Anggota (Physiotherapist)
- k) Jurupulih Carakerja (Occupational therapist)
- l) Jurupulih Pertuturan (Speech Therapist)
- m) Audiologist
- n) Juru X-Ray Terapi (Radiotherapist)
- o) Juru X-Ray Diagnostik (Radiographer)
- p) Juru Teknologi Makmal Perubatan (Medical Laboratory Technologist)

* s) Pembantu Perubatan (Medical Assistant)

* *Permohonan pengambilan kategori-kategori ini adalah melalui lembaga masing-masing.*

2. SYARAT-SYARAT PENGAMBILAN

Syarat-syarat yang ditetapkan bagi pengambilan pekerja bukan warganegara adalah seperti berikut:

2.1. Pusat Perubatan Swasta

2.1.1. Pusat perubatan swasta tersebut mestilah didaftarkan di bawah Akta Hospital Persendirian 1971.

2.1.2. Pusat perubatan swasta tersebut hendaklah membuktikan kepada pihak Kementerian Kesihatan bahawa mereka telah berusaha mendapatkan pekerja tempatan, tetapi tidak berjaya. Mereka perlu mengemukakan bukti pengiklanan dalam akhbar-akhbar utama tempatan sekurang-kurangnya sekali seminggu untuk tiga minggu berturut-turut.

2.1.3 Pusat perubatan swasta berkenaan hendaklah memberi maklumat mengenai calon-calon yang telah menjawab iklan dan mengemukakan sebab-sebab permohonan ditolak.

2.2. Pekerja Warganegara Asing

2.2.1 Pekerja warganegara asing yang akan diterima bekerja mestilah mempunyai kelulusan yang dikitiraf oleh Jawatankuasa Penilaian khusus yang berkenaan.

2.2.2 Sekiranya timbul sebarang keraguan berkaitan dengan latihan/kelulusan warganegara asing, maka permohonan yang terlibat akan ditolak sebagai tidak memenuhi piawai minima yang ditetapkan.

2.2.3 Pekerja warganegara asing tersebut hendaklah mempunyai pengalaman klinikal selepas tamat latihan sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang berkaitan di hospital/pusat perubatan utama dan membuktikan dengan mengemukakan akuan dari pihak berkaitan dinegara asal mereka.

2.2.4 Permohonan warganegara asing untuk bekerja dipusat perubatan swasta adalah hanya untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Pengambilan semula mestilah mengikut proses yang sama. Rayuan untuk lanjutan adalah tertakluk kepada keperluan dan situasi perkhidmatan di Malaysia pada masa itu.

2.2.5. Warganegara asing yang telah tetap berada di Malaysia serta telah mendapat status "Permanent Resident" boleh berkhidmat berterusan di Malaysia, dan tidak tertakluk kepada syarat di para 2.2.4.

2.2.6. Semua permohonan mestilah disertakan dengan maklumat dokumen

terperinci yang diperlukan melicinkan proses permohonan.

3. DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

Bagi pemohon yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan ditawarkan bekerja dipusat perubatan swasta, maka permohonan tersebut hendaklah dikemukakan ke Kementerian Kesihatan bersama-sama dokumen seperti berikut :

- 3.1. Salinan surat permohonan jawatan dari pemohon.
- 3.2. Salinan surat pengenalan diri atau salinan paspot dan 'curriculum vitae' pemohon yang disahkan.
- 3.3. Salinan ijazah/diploma dalam bidang berkaitan yang dipohon dan disahkan oleh pusat pengajian/latihan.
- 3.4. Salinan kurikulum latihan asas yang diterima dan akuan dari pihak yang bertanggungjawab semasa latihan.
- 3.5. Surat akuan dari pusat perubatan atau hospital yang membuktikan pendedahan dan pengalaman klinikal yang diperolehi oleh pemohon dalam jangkamasa 3 tahun yang lepas.
- 3.6. Nama dan alamat 2 orang yang tiada hubungan keluarga yang boleh memberi pengakuan berkaitan dengan pemohon (referees)
- 3.7. Salinan/sijil-sijil yang berkaitan dengan permohonan jawatan yang telah disahkan untuk menyokong permohonan.

4. JAWATANKUASA PENILAIAN

Setiap permohonan yang diterima akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Penilaian bagi jawatan yang berkaitan. Jawatankuasa Penilaian yang terdiri daripada ketua jabatan berkaitan akan menilai permohonan dan mengemukakan keputusan kepada Bahagian Amalan Perubatan dalam tempoh yang ditetapkan.

Sebarang pertanyaan mengenai setiap permohonan Pegawai Dagang hendaklah dikemukakan kepada :

Urusetia Pegawai Dagang

Cawangan Kesihatan Bersekutu

Bahagian Amalan Perubatan

Kementerian Kesihatan Malaysia

Jalan Cenderasari

Tel No. : 603-2985077 Ext 304

Fax No. : 603-2934933

WAN/NI/AI/Kategori

[Faint, illegible text, likely bleed-through from the reverse side of the page]